



edisi september |

WARTA CAHAYA

kenali kami!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



bikin
apa?

Outreach Komuniti

Pasukan lapangan kita secara konsisten akan menjalankan outreach komuniti untuk pemetaan dan pendataan berterusan komuniti.




A yellow poster for a competition. At the top left, there is a portrait of a man with glasses. To the right of the portrait, the text "Pertandingan" is written in a curved, cursive font above the main title. The main title "MENULIS SURAT" is in large, bold, black capital letters. Below it, in a smaller white box, is the text "UNTUK PMX!". To the right of the title, the "CAHAYA SOCIETY" logo is displayed. On the right side of the poster, the text "TARIKH TUTUP:" is followed by "25 Ogos 2023".

Surat untuk PMX!

Kita telah menerbitkan dua (2) artikel yang terpilih untuk pertandingan manulis Surat Untuk PMX. Baca di laman sesawang rasmi kami. Tahniah pemenang!

Bengkel Ukulele Cahaya

Bengkel yang dikendalikan sepenuhnya oleh Kelab Alumni Cahaya. Mengajar kod asas dan pengenalan ukulele sebagai alat pembelajaran yang efektif di Teratak Ilmu.



Allianz Charity Day

Aktiviti luar bermain badminton membabitkan 20 pelajar CLC bersama seluruh warga kerja Allianz Malaysia (Sandakan). Terima kasih atas jemputan.

Kajian Komuniti 2023

KK2023 adalah siri susulan selepas beberapa siri pada tahun sebelum ini. Kita percaya kepada data dan pemetaan yang konkrit bagi memastikan advokasi yang mampan pada masa akan datang.





Lawatan Rasmi ke CLC Kuari 3

CLC Kuari 3 adalah Pusat Pembelajaran Masyarakat di bawah kelolaan Konsulat Indonesia. Kita menjalin hubungan bersama para guru komuniti dan memahami dinamika pembelajaran. Terima kasih bapak ibu pendidik bangsa!

Webinar Cahaya

Ekslusif sempena Hari Malaysia yang ke-66, kita menganjurkan webinar bagi meninjau semula semangat pembentukan negara berdaulat ini dengan mengupas topik Apa Sesudah Malaysia?



Program #BagiBagi

Program oleh Kelab Alumni Cahaya- masak, bungkus dan agihkan bungkusan makanan kepada komuniti dan para pekerja di tepi jalan.

Kem Cita Cahaya

KCC sempena Hari Malaysia dengan pengisian dan penceramah jemputan, Cikgu Atirah Ameer dengan topik Saya Anak Malaysia.



Kelas Menjahit (PKS)

Projek yang didukung oleh geran Yayasan Hasanah ini telah memasuki fasa penghasilan produk secara konsisten. Para ibukom dengan bimbingan rakan strategik kita- Qarl Iman- kini bertumpu kepada penghasilan dan kekemasan produk jahitan.



Baikpulih Jambatan Opak

Kita telah melancarkan projek ini membabitkan komuniti opak. Pasukan outreach telah berunding dan mendapatkan persetujuan komuniti untuk gotong royong baikpulih termasuklah mengukur keluasan jambatan untuk tindakan lanjut.

Lawatan Sambil Belajar

Lawatan ke Perpustakaan Wilayah Sandakan bersama anak-anak cahaya. Meneroka dan meninjau bahan bacaan yang sesuai dan melakar perspektif yang berbeza dari dalam bilik darjah.



Kunjungan oleh PPD Sandakan

Berikut adalah beberapa siri kunjungan oleh PPD-KPM selepas beberapa tahun sebelum ini. Hal teknikal dan urusan permit. Walaupun begitu, kita konsisten bahawa pemerintah harus lebih serius dan bertanggungjawab mencari solusi pengabaian pendidikan di negeri ini berbanding hanya tersangkut dalam urusan birokrasi dan prosedur, kerana ini adalah obligasi para pembuat polisi.




Pelancaran Tabung #KitaShafiq

Pada 26 Sept, anak kita Shafiq mengalami kecederaan patah lengan dan terpaksa menjalani rawatan pembedahan. Kita melancarkan tabung #KitaShafiq untuk solidariti menampung kos biaya terkait rawatan dan temujanji. Mohon dukungan dan doakan Shafiq!



Projek Iskul oleh KAC

Kelab Alumni Cahaya melebarkan advokasi mereka ke kampung-kampung dan melancarkan projek pilot Iskul. Mereka sepasukan akan membawa kit permainan, ukulele dan bahan belajar di kampung dan membangunkan Child Friendly Space untuk anak-anak yang tidak bersekolah.



Kerjasama IIUM UNESCO Club

Kita akan bekerjasama untuk membina pustaka komuniti di Teratak Ilmu dan Cita Budi.

Pelancaran Laporan Kajian Komuniti 2023

KK2023 adalah pemetaan untuk kegunaan dan analisis para advokator dan pemegang taruh dalam negara. Justeru, kita akan membentangkan segala dapatan dalam satu siri webinar.

Borneo Bird Festival (BBF) 2023

Kita akan menjadi pempamer dalam acara BBF anjuran RDC pada 20- 21 Oktober 2023. Datang beramai-ramai!

Bazaar Seni. Laluan Kreatif

Garaj Cahaya- inisiatif ekonomi mandiri organisasi- akan menjual dan mempamer karya dan produk komuniti di Bazaar Seni pada 27 hingga 29 Oktober 2023.


Ceramah Maulidur Rasul

KAC akan menganjurkan ceramah bersama asatizah jemputan di Sandakan sempena memperingati Baginda Rasulullah SAW.

Program #KitaBersih

KAC akan mengoperasikan program kutipan sampah secara kolektif membabitkan komuniti lingkungan.





Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.

Merdeka!



Sumbangan untuk tujuan advokasi dan program pendidikan alternatif ke:

8603686012

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah
CIMB Bank



CAHAYA ENTERPRISE-QR



terima kasih!

Laman rasmi: cahayasociety.org
Facebook/Instagram/Linekdin: Cahaya Society
Emel: cahayasociety@gmail.com

Alamat:
Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D, Tingkat 1,
Jalan Leila, 90000 Sandakan, Sabah

No. Tel (Pejabat):
089 666 915

No. Tel (Admin):
012 828 4775 (Cik. Lia Ellyana)